


(<https://news.usm.my>)

Berita Mutakhir ▾


## 02 JUL 40 PESAKIT HEMODIALISIS HUSM TERIMA SUMBANGAN



KUBANG KERIAN, 1 Julai 2015 – Seramai 40 orang pesakit Hemodialisis Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) menerima sumbangan berupa wang zakat dari Persatuan Orang Kota Bharu (POKB) dan hamper barang daripada Koperasi Warga Universiti Sains Malaysia (USM) Kelantan Berhad sempena Ramadhan dan sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Sumbangan disampaikan oleh Naib Canselor USM, Profesor Dato' Dr Omar Osman dan Presiden POKB, Dato' Sheikh Ahmad Dusuki Sheikh Mohamad dalam satu majlis ringkas yang diadakan di Unit Hemodialisis, HUSM petang semalam.

Menurut Sheikh Ahmad, POKB prihatin dengan pesakit dan berharap akan dapat menceriakan dan meringankan beban mereka yang terpaksa berulang alik untuk mendapatkan rawatan.




"POKB juga menghargai kerjasama akrab dengan USM dan sentiasa bersedia untuk meneruskan usaha seperti ini pada masa hadapan," tambahnya lagi.

Sementara itu, Naib Canselor turut menghargai sumbangan yang diberikan oleh POKB dan Koperasi Warga USM yang tentunya amat bermakna kepada USM mahu pun pesakit.

"Kita akan teruskan kolaborasi seperti ini pada masa hadapan dalam pelbagai bentuk untuk memperkasakan usaha yang dilakukan selama ini demi faedah masyarakat dan orang ramai," kata Omar.

Pesakit buah pinggang yang menjalani rawatan hemodialisis di HUSM, Mohamad Nor Deraman, 51, mengucapkan terima kasih kepada POKB dan Koperasi Warga USM Kelantan Berhad atas sumbangan zakat dan hamper tersebut.



"Saya merupakan pesakit kronik buah pinggang selama hampir lapan tahun yang terpaksa mendapatkan rawatan hemodialisis sebanyak tiga kali seminggu, oleh itu sumbangan wang zakat yang diterima ini sedikit sebanyak membantu mengurangkan perbelanjaan tambang kenderaan untuk saya mendapatkan rawatan di sini dan sangat bersyukur kerana terpilih untuk menerima sumbangan pada hari ini kerana kekurangan sumber pendapatan dan pesakit yang mendapat bantuan ehsan dari Tabung Kebajikan Pesakit di bawah seliaan Unit Kebajikan Perubatan HUSM," kata Mohamad Nor.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Pengarah Kampus Kesihatan USM, Profesor Dato' Dr. Mafauzy Mohamed, Pengerusi Koperasi Warga USM Kelantan Berhad, Profesor Madya Dr Mohamed Saat Ismail, Bendahari USM, Dr Rohayati Mohd Isa dan Penyelaras Unit Hemodialisis HUSM, Dr Azreen Syazril Adnan.

Teks: Nik Sheila Erini Che Mat Kamel/Foto: Wan Mohd Rashidi Wan Mood



Share This

**Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre**

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : [pro@usm.my](mailto:pro@usm.my) (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia](http://www.usm.my) (<http://www.usm.my>)

[Client Feedback / Comments](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) (<http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp>) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015